

Rafidah anggap kritikan Dr M tak adil

KUALA LUMPUR: Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Sen Rafidah Aziz berkata, kritikan berterusan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi boleh menyebabkan perpecahan dalam Umno.

Berikutan itu, beliau yang juga Menteri perdagangan Antarabangsa dan Industri, menggesa ahli dan pemimpin Umno berdiri kukuh di belakang Abdullah dan tidak membenarkan sebarang kritikan terhadap pemimpin negara itu.

"Perkara ini berlanjutan begitu la-

ma Saya harap ia dihentikan kerana banyak lagi kerja yang' perlu dilakukan. Persekitaran ekonomi berubah. Dengan krisis Asia Barat dan harga minyak tidak menentu, ekonomi negara perlu diuruskan dengan baik.

"Tiada siapa berhak mendesak kerajaan dan juga memecah-belahkan parti," katanya selepas merasmikan Forum Perdagangan Antarabangsa Bagi Perkhidmatan Profesional Dalam Negara Apec anjuran Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di sini, semalam.

Rafidah berkata, kritikan Mahathir tidak adil dan Perdana Mehteri se-

patutnya diberi laluan untuk menjalankan tanggungjawabnya memerintah negara seperti mandat yang di berikan rakyat pada pilihan raya lalu.

"Biar apapun yang berlaku, biarlan keupayaan Abdullah dihakimi oleh pengundi, dan bukannya seorang individu.

"Saya tidak faham dengan tindakan Tun yang pernah memimpin negara dan menjadi mangsa kritikan, melakukan perkara yang sama terhadap kepemimpinan sekarang.

"Tun Mahathir sendiri pernah menjadi mangsa hingga nyaris kehilangan status presidennya (Umno),

dan beliau mesti faham bagaimana pahitnya untuk mengalami perkara itu. Jangan biarkan pisang berbuah dua kali.

"Sebagai rakan lama, saya mohon kepada Tun ingat apa yang berlaku dulu. Jangan biarkan ia berulang. Kita tidak perlukannya lagi. Tolonglah, tolong parti," katanya.

" Di KUALA KANGSAR, ketika berucap merasmikan Pusat Sumber Manong di sini, semalam, Rafidah mahu rakyat terus memberi sokongan padu kepada kepemimpinan negara sekarang bagi meneruskan kesinambungan pembangunan.